

“KEJUJURAN DAN KETEKUNAN”

(Sila sebutkan No. Rujukan bila menjawab)

**#KitaSelangor**

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ( 33 ) dlm. MPS 3/2-410(1) Jld.11

Tarikh : 4 Ogos 2023

## MANA-MANA MAJIKAN/ PENTADBIR YANG BERKAITAN

Tuan/ Puan,

### MAKLUMAN GERAK KERJA BAGI PILIHAN RAYA UMUM DEWAN NEGERI SELANGOR KE-15 UNTUK BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI DUN N.13 KUANG, DUN N.14 RAWANG DAN DUN N.15 TAMAN TEMPLER

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pejabat Pegawai Pengurus DUN N.13 Kuang, DUN N.14 Rawang dan DUN N.15 Taman Templer akan mengadakan beberapa gerak kerja sebagai persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum Dewan Negeri Selangor ke-15 seperti berikut;

Tarikh/ Masa	Penugasan/ Petugas	Lokasi
11 Ogos 2023 (Jumaat) 9.30 pagi – 6.00 petang	1. Menyemak peti undi dan peralatan undian.  * <b>Ketua Tempat Mengundi</b> (boleh bawa bersama seorang Kerani Pengundian)  * <b>Penyelia Pusat Mengundi</b> (boleh bawa bersama seorang Penunjuk Arah Pusat Mengundi)	1. Dewan Ixora, Taman Botanic Kundang <b>(DUN N.13 Kuang)</b>  2. Dewan Cindai, Institut Kraf Negara <b>(DUN N.14 Rawang)</b>  3. Lobi Menara MPS, Majlis Perbandaran Selayang <b>(DUN N.15 Taman Templer)</b>
	2. Mengemas bilik kelas / dewan bagi menyediakan saluran undian dan Pusat Mengundi.  * <b>Ketua Tempat Mengundi , Penyelia Pusat Mengundi, Kerani Pengundian, Kerani Penyemak Daftar Pemilih dan Penunjuk Arah Pusat Mengundi.</b>	1. Semua Pusat Mengundi



**GERAK KERJA BAGI PILIHAN RAYA UMUM DEWAN NEGERI SELANGOR KE-15  
UNTUK BAHAGIAN PILIHAN RAYA NEGERI DUN N.13 KUANG, DUN N.14 RAWANG  
DAN DUN N.15 TAMAN TEMPLER**

<b>Tarikh/ Masa</b>	<b>Penugasan/ Petugas</b>	<b>Lokasi</b>
12 – 13 Ogos 2023 (Sabtu - Ahad) 5.00 pagi – 4.00 pagi	1. Mengambil peti undi dan memulakan tugas di saluran undian dan Pusat Mengundi.  <b>* Ketua Tempat Mengundi , Penyelia Pusat Mengundi, Kerani Pengundian, Kerani Penyemak Daftar Pemilih dan Penunjuk Arah Pusat Mengundi.</b>	1. Dewan Ixora, Taman Botanic Kundang <b>(DUN N.13 Kuang)</b>  2. Dewan Cindai, Institut Kraf Negara <b>(DUN N.14 Rawang)</b>  3. Lobi Menara MPS, Majlis Perbandaran Selayang <b>(DUN N.15 Taman Templer)</b>
	2. Menghantar peti undi dan peralatan undian ke Pusat Penjumlahan Rasmi Undi.  <b>* Ketua Tempat Mengundi</b> (boleh bawa bersama seorang Kerani Pengundian)  <b>* Penyelia Pusat Mengundi</b> (boleh bawa bersama seorang Penunjuk Arah Pusat Mengundi)	1. Dewan Ixora, Taman Botanic Kundang <b>(DUN N.13 Kuang)</b>  2. Dewan Cindai, Institut Kraf Negara <b>(DUN N.14 Rawang)</b>  3. Lobi Menara MPS, Majlis Perbandaran Selayang <b>(DUN N.15 Taman Templer)</b>

3. Sehubungan dengan itu, saya mewakili Pejabat Pegawai Pengurus DUN N.13 Kuang, DUN N.14 Rawang dan DUN N.15 Taman Templer memohon kerjasama pihak tuan / puan untuk memberikan pelepasan tugas kepada petugas pilihan raya di kalangan kakitangan di bawah pentadbiran tuan / puan bagi melancarkan lagi perjalanan Pilihan Raya Umum Dewan Negeri Selangor ke-15 ini.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.


**“SELANGOR MAJU BERSAMA”**

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“MAMPAN PROGRESIF SEJAHTERA”**

Saya yang menandatangani amanah,



**(HAJI KHAIRIL ANWAR BIN CHE' MAY)**

Penolong Pegawai Pengurus (Urusetia)

DUN N.14 Rawang.